



# **GARIS PANDUAN DAN TATACARA PERMOHONAN KURSUS PENSIJILAN PENGAJAR INSTITUT MEMANDU (SPIM) ONLINE 2.0 BAGI INSTITUT MEMANDU**

## **JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA**

### **LATAR BELAKANG**

Dalam usaha memantapkan operasi Institusi Latihan Pemanduan (ILP), maka Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah memutuskan supaya semua Institut Memandu (IM) yang berlesen dan beroperasi secara sah perlu mempunyai pengajar memandu yang sah dan disijilkan melalui sistem pembelajaran dengan lebih sistematik dan diseragamkan mengikut syarat-syarat permohonan, modul serta kandungan kursus, jumlah masa latihan dan ujian yang ditetapkan. Oleh itu selaras dengan Kaedah 11, Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Sekolah Memandu) 1992 telah menetapkan syarat-syarat sebelum seseorang boleh membuat permohonan melalui JPJ Negeri.

### **TUJUAN**

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memastikan semua JPJ Negeri dan IM mendapat garis panduan yang betul sebelum membuat permohonan sebagai tenaga pengajar di IM. Garis panduan ini juga mengandungi semua proses dari permohonan hingga ke proses pembaharuan serta prosedur berkaitan Sijil Pengajar Institut Memandu (SPIM). Garis panduan ini adalah untuk membantu semua kakitangan JPJ Negeri dan IM yang terlibat agar dapat memahami dan boleh digunakan untuk rujukan.


## **PELAKSANAAN KURSUS SPIM MELALUI SISTEM MySIKAP/ Portal Rakan Niaga**

- Bagi memastikan dan menyokong sistem transformasi Jabatan dan merealisasikan sistem penyampaian perkhidmatan Jabatan yang berkesan, Sistem SPIM *Online* diperkenalkan dan mula dibangunkan mulai 2010 dan telah siap serta laksanakan mulai 1 Oktober 2015. Mulai dari tarikh tersebut semua permohonan hingga ke proses pengeluaran dilakukan secara *online* melalui sistem MySIKAP JPJ.

## **PENDAFTARAN RAKAN NIAGA UNTUK PENGGUNAAN PORTAL MySIKAP**

- Pendaftaran dan permohonan ID Rakan Niaga dan pengesahan identiti oleh semua IM untuk permohonan SPIM dan lain-lain urusniaga yang berkaitan pelesenan pemandu. Pendaftaran ID Super Admin oleh pihak IM boleh dibuat mulai 1 Oktober 2015 dan perwujudan empat (4) pemegang ID Pengguna oleh pegawai dan kakitangan IM boleh diwujudkan oleh ID Super Admin.

### **PROSES PERMOHONAN SPIM ONLINE**



## **JENIS DAN SENARAI KURSUS SPIM**

### **SPIM BAHARU**

1. SPIM Kelas B2 dan B (Motosikal)
2. SPIM Kelas D (Motokar)
3. SPIM QTI – CDL Kelas Motosikal dan Motokar
4. SPIM Penceramah KPP Kelas Motosikal
5. SPIM Penceramah KPP Kelas Motokar
6. SPIM Penceramah KPP Kelas Motosikal dan Motokar

### **SPIM TAMBAH KELAS**

1. SPIM Kelas B, C dan E
2. SPIM Jentera Kelas F, G, H dan I (Beroda dan Berantai)
3. SPIM Vokasional Kelas GDL Bersendi
4. SPIM Vokasional Kelas PSV Bas
5. SPIM Vokasional Kelas PSV Teksi/ E-hailing
6. SPIM Vokasional Kelas GDL Bersendi dan PSV Bas

## PROSES SEMAKAN PERMOHONAN KURSUS

BIL	TAHAP PERMOHONAN	SEMAKAN STATUS (IM/KAUNTER JPJ)	TINDAKAN
1	Permohonan Kursus di Portal Rakaniaga IM	Dalam Proses	<p>IM membuat permohonan kursus SPIM di portal rakaniaga tertakluk kepada kekosongan kuota SPIM di Institut Memandu.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Maksima 3 permohonan sahaja boleh dibuat</li> </ul> <p>Calon perlu menghantar dokumen di Kaunter JPJ Negeri dalam tempoh 2 minggu dari tarikh permohonan dibuat di Institut Memandu.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Jika <b>GAGAL</b> hadir ke JPJ Negeri untuk penyerahan dokumen, permohonan terbatal dan perlu membuat permohonan baru semula.</li> </ul>
2	Kemaskini Permohonan	Semak Dokumen	<p>JPJ Negeri perlu menyemak dokumen dan fizikal pemohon seterusnya mengemaskini dokumen di sistem MySIKAP, kesemua proses perlu dilaksanakan dalam tempoh 30 hari.</p> <p>JPJ Negeri juga boleh menolak permohonan sekiranya pemohon mengemukakan dokumen yang tidak lengkap dan tidak memenuhi syarat yang ditetapkan.</p>
3	Kemaskini Status JPJ/PDRM	Semakan JPJ/PDRM	<p>JPJ HQ akan menyemak permohonan bagi memastikan memenuhi syarat yang ditetapkan seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>status JPJ/PDRM yang dikemaskini perlu disahkan oleh Pegawai ; dan</li> <li>setiap permohonan yang <b>GAGAL</b> di peringkat Semakan PDRM dan Kelulusan PDRM perlu membuat permohonan baru semula.</li> </ul>

4	Pengesahan JPJ/PDRM	Kelulusan JPJ/PRDM	JPJ HQ akan meluluskan Pengesahan JPJ/PDRM sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan.
5	Tawaran Kursus	Tawaran Kursus	Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia (Akademi JPJ) akan membuat Tawaran Kursus berdasarkan jadual yang telah ditetapkan.
6	Bayaran Kursus	Bayaran	<p>IM wajib untuk membuat bayaran dalam <b>tempoh 14 hari dari tarikh surat tawaran</b> dikeluarkan. Sekiranya <b>IM tidak membuat bayaran, permohonan akan disenarai hitam dalam tempoh 90 hari</b>.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Bayaran melalui <i>online</i> dengan menggunakan Pilihan Akaun Korporat dan boleh dibuat secara pukal.</li> <li>• IM perlu membuat pengesahan transaksi bayaran melalui Portal <i>Internet Banking</i> dalam tempoh 5 jam.</li> <li>• Tawaran akan terbatal sekiranya tiada bayaran dilakukan dalam tempoh 14 hari.</li> </ul>
7	Kemaskini Kehadiran	Menghadiri Kursus	Calon menghadiri Kursus. Sekiranya calon tidak menghadiri kursus, permohonan akan disenarai hitam dalam tempoh 90 hari.
8	Kemasukan Keputusan Kursus	Kemasukan Keputusan Ujian	Bahagian Pelesenan Pemandu, JPJ HQ dan Akademi JPJ menyediakan dan mengesahkan keputusan Ujian serta laporan Kursus SPIM yang telah dijalankan.
9	Pengesahan Keputusan Kursus	Kelulusan Keputusan Ujian	Calon boleh pergi ke Kaunter JPJ Negeri untuk pengeluaran SPIM (SM2).

## **SYARAT HAD UMUR UNTUK PERMOHONAN PENGAJAR INSTITUT MEMANDU**

- i. Permohonan baharu bagi Kelas B, B2 dan D ialah tidak lebih dari 65 tahun.

## **SYARAT-SYARAT PERMOHONAN KURSUS PENSIJILAN PENGAJAR INSTITUSI MEMANDU**

### **SPIM Baharu**

1. Warganegara Malaysia yang mempunyai kad pengenalan yang sah.
2. Berumur tidak melebihi 65 tahun semasa permohonan kursus baharu.
3. Pemohon memiliki dan memegang lesen memandu bagi kelas lesen yang dipohon tidak kurang dari lima (5) tahun pada tarikh permohonan. Tempoh 5 tahun termasuk Lesen Memandu Percubaan (PDL) dan masih berkuatkuasa.
4. Permohonan SPIM baharu hanya bagi kategori lesen atau kelas lesen memandu B2, B1, B, C dan D. Permohonan bagi kelas E hanya boleh dilakukan selepas satu (1) tahun memiliki SPIM kelas D.
5. Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah APJ 1987 dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa.
6. Memiliki kelayakan seperti berikut:
  - sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Am Pelajaran (SAP) atau setaraf dengannya dengan lulus tiga (3) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris;
  - pemohon dari bekas anggota tentera dan polis yang tidak memiliki sijil SPM mestilah memiliki sijil QTO yang dikeluarkan oleh ATM/PDRM dengan kelayakan akademik sekurang-kurangnya SRP atau setaraf; dan
  - lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

## **SPIM Tambah Kelas**

1. SPIM tambah kelas
  - Kelas B2 ke B, C
  - Kelas B ke C
  - Kelas D ke E
  - Kelas D ke F, G, H, I
2. Warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan yang sah.
3. Pemohon memiliki dan memegang lesen memandu bagi kelas lesen yang dipohon tidak kurang dari lima (5) tahun pada tarikh permohonan. Tempoh lima (5) tahun termasuk Lesen Memandu Percubaan (PDL) dan masih berkuatkuasa.
4. Bagi permohonan tambah kelas E, calon mestilah memegang SPIM kelas D melebihi satu (1) tahun.
5. Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah APJ 1987 dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa.
6. Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

## **SPIM Vokasional**

1. Warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan yang sah.
2. Memiliki Lesen Memandu CDL kelas D atau E serta Lesen Vokasional (GDL Bersendi atau PSV Bas atau Teksi/E-hailing) yang masih berkuatkuasa.
3. Pemohon adalah pemegang SPIM bagi kelas yang berkaitan melebihi satu (1) tahun dan masih berkuatkuasa.
4. Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah APJ 1987 dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa.
5. Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

## **SPIM Penceramah Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) Baharu**

1. Warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan diri yang sah.
2. Pemohon adalah pemegang Sijil Pengajar Institusi Memandu (SPIM) bagi kelas sekurang-kurangnya B2 atau D, atau B2 dan D yang dipohon serta tempoh SPIM tersebut tidak kurang dari satu (1) tahun sebelum dari tarikh permohonan.
3. Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah APJ 1987 dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa.
4. Memiliki kelayakan akademik sekurang-kurangnya Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Am Pelajaran (SAP) atau setaraf dengannya dengan lulus tiga (3) mata pelajaran termasuk Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
5. Pemohon dari bekas anggota tentera dan polis yang tidak memiliki sijil SPM mestilah memiliki sijil QTO yang dikeluarkan oleh ATM/PDRM dengan kelayakan akademik sekurang-kurangnya SRP atau setaraf.
6. Pemohon adalah terdiri dari pemegang SPIM yang berdaftar dengan Institusi Memandu sahaja.
7. Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

## **SPIM QTI-CDL Baharu**

1. Warganegara Malaysia yang mempunyai dokumen pengenalan yang sah.
2. Memiliki Lesen Memandu dan SPIM bagi kelas yang berkaitan dan masih berkuatkuasa.
3. Pemohon adalah pemegang SPIM bagi kelompok kelas yang berkaitan melebihi satu (1) tahun dan masih berkuatkuasa.
4. Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah APJ 1987 dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa.
5. Lulus pemeriksaan kesihatan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan.

## **SPIM, SPIMV, Penceramah KPP, QTI-CDL (Ulangan)**

1. Terbuka kepada calon-calon yang gagal mana-mana bahagian sahaja.
2. Calon-calon yang gagal kesemua bahagian adalah tidak layak mengulang dan dikehendaki menduduki semula kursus.
3. Permohonan hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh surat keputusan dikeluarkan.
4. Permohonan ujian ulangan hanya boleh dibuat dalam tempoh dua (2) daripada tarikh surat keputusan kursus pertama dikeluarkan.
5. Pemohon tidak pernah disabitkan dengan kesalahan di bawah APJ 1987 dan mana-mana undang-undang lain yang sedang berkuatkuasa.

## **SEMAKAN KES-KES LALULINTAS TERTUNGGAK SEBELUM PROSES PERMOHONAN, PENGETAHUAN DAN PEMBAHARUAN SIJIL PENGAJAR MEMANDU (SPIM) OLEH INSTITUT MEMANDU**

- Dalam hubungan ini, sebelum proses permohonan, pengeluaran baharu dan pembaharuan SPIM dilakukan ke atas pemohon atau pihak institut memandu, pihak JPJ Negeri hendaklah memastikan semakan rekod saman lalulintas kes JPJ dan PDRM dibuat terlebih dahulu.

## **PERMOHONAN KURSUS PENSIJILAN PENGAJAR INSTITUSI MEMANDU (SPIM) MENGIKUT BAKI KUOTA YANG ADA**

- Mengikut rekod permohonan di dalam sistem MySIKAP mendapati institusi memandu telah membuat permohonan melebihi baki kuota pengajar yang ada di IM tersebut.
- Negeri wajib untuk menyemak baki kuota pengajar yang ada di IM sebelum memproses permohonan. Sekiranya ada keperluan, IM perlu memohon penambahan kuota pengajar ke Ibu Pejabat JPJ, Bahagian Pelesenan Pemandu.

## **PEMBUKAAN AKAUN KORPORAT DAN INTERNET BANKING UNTUK PROSES BAYARAN YURAN KURSUS PENSIJILAN PENGAJAR INSTITUSI MEMANDU (SPIM) ONLINE MELALUI PORTAL RAKAN NIAGA**

- Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan pembayaran yuran bagi pemohon yang ditawarkan kursus, semua institut memandu perlu mempunyai dan membuka akaun korporat serta mendaftarkan akuan tersebut kepada *internet banking* supaya pembayaran yuran secara online dapat dibuat.

## **TARIKH BERKUATKUASA**

Garis panduan dan tatacara Permohonan Kursus Pensijilan Tenaga Pengajar Institut Memandu (SPIM) *ONLINE* ini berkuatkuasa pada 22 September 2022.